

# Z-Miles Takaful

## Lembaran Penerangan Produk

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda memohon Sijil Kereta Persendirian Z-Miles Takaful. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Produk ini ialah pelan takaful kereta persendirian yang membolehkan anda membuat caruman untuk perlindungan takaful berdasarkan jarak pemanduan anda. Pelan ini dirangka khas untuk kereta yang tidak kerap dipandu dan mempunyai jarak pemanduan tahunan yang rendah, kurang daripada 15,000 km.

Pada permulaan sijil, anda membuat caruman terdahulu untuk melindungi (a) kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian kereta anda; (b) liabiliti kepada pihak ketiga bagi kecederaan atau kematian; (c) kerosakan kepada harta benda pihak ketiga. Caruman terdahulu meliputi jarak pemanduan prabayar sejauh 2,000km. Selepas setiap perjalanan, kos perjalanan ditolak daripada jarak pemanduan prabayar anda.

Baki jarak pemanduan anda akan ditambah nilai secara automatik pada akhir setiap bulan, atau apabila sudah kurang daripada 400 km pada bulan tersebut untuk memastikan kereta anda sentiasa mempunyai perlindungan komprehensif – kami akan memaklumkan kepada anda terlebih dahulu apabila perkara ini berlaku. Sebarang jarak pemanduan yang tidak digunakan pada akhir tempoh perlindungan takaful akan dipulangkan kepada anda. **Hakikatnya, anda hanya membuat caruman untuk jarak pemanduan anda.**

Apabila anda memohon takaful ini buat kali pertama, kami akan menghantar kepada anda sebuah alat penjejak yang dinamakan Peranti Z-Miles, yang anda pasang sendiri di dalam kereta. Peranti Z-Miles membolehkan kami mengenakan caj caruman yang betul berdasarkan jarak pemanduan anda.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

**Takaful** merupakan suatu persetujuan yang berdasarkan konsep saling membantu di mana para peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana. Dana ini akan memberi manfaat kewangan kepada para peserta takaful lain atau kepada waris mereka sekiranya berlaku peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu.

**Tabarru** bermaksud derma untuk tujuan kebaikan. Dalam konteks takaful ini, peserta menderma sebahagian caruman ke dalam Dana Takaful Am (selepas ini dirujuk sebagai DTA) untuk membantu peserta lain yang ditimpa musibah tertentu.

**Wakalah** merupakan kontrak di mana para peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman takaful, sama ada secara sukarela atau dengan pembayaran upah. Dalam konteks takaful ini, para peserta melantik kami sebagai pengendali takaful untuk menguruskan DTA dan sebagai balasan, para peserta membenarkan kami untuk menerima yuran wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.

**Hibah:** Dalam konteks takaful ini, Hibah merujuk kepada:

- Sekiranya terdapat pengisytiharan lebihan daripada DTA, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan para peserta berdasarkan kontrak Hibah (hadiyah).
- Atas sebarang pembatalan sijil, caruman bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan akan dipulangkan kepada para peserta. Ini termasuk jarak pemanduan yang tidak terpakai.

**Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan dahulu. Dalam konteks takaful ini, para peserta membenarkan kami untuk menerima 50% lebihan yang boleh diagihkan daripada DTA sebagai insentif atas pencapaian dalam pengurusan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.

**Qard** merujuk kepada pinjaman tanpa faedah dari kami kepada DTA sekiranya berlaku kekurangan aset dalam DTA untuk memenuhi keperluan liabiliti DTA, termasuk peruntukan rizab yang ditetapkan.

### 3. Apakah jenis perlindungan dan manfaat yang diberikan?

Selagi baki jarak pemanduan anda adalah positif dan anda mematuhi segala syarat-syarat yang dinyatakan di dalam sijil, anda akan terima perlindungan yang tertakluk di dalam jadual sijil anda. Merujuk kepada jadual di bawah, sijil anda akan kekal dengan perlindungan Komprehensif jika baki jarak pemanduan anda adalah positif. Perlindungan akan dikurangkan ke Pihak Ketiga Sahaja jika baki jarak pemanduan anda ialah sifar.

| Manfaat Asas   | Perlindungan  |  |
|--|---|--|
|  | Komprehensif (jika baki jarak pemanduan anda ialah positif) | Pihak Ketiga Sahaja (jika baki jarak pemanduan anda ialah sifar) |
| Liabiliti anda atau liabiliti pemandu dibenarkan anda terhadap kecederaan tubuh badan atau kematian; atau kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga | ✓   | ✓  |
| Kerugian atau kerosakan terhadap kereta anda akibat kemalangan   | ✓   | ✗  |
| Kerugian atau kerosakan terhadap kereta anda akibat kebakaran atau kehilangan  | ✓   | ✗  |
| Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh (perlindungan bencana khas)   | ✓   | ✗  |

Anda boleh mengambil perlindungan tambahan berikut dengan membuat caruman tambahan apabila anda menyertai takaful ini:

| Perlindungan Tambahan / Endorsmen   | Perlindungan (jika pilihan tambahan telah disertakan) |                                       |
|---|---|---------------------------------------|
|   | Jika anda mempunyai baki jarak pemanduan positif      | Jika baki jarak pemanduan ialah sifar |
| Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang**                                  | ✓   | ✓                                     |
| Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai                         | ✓   | ✓                                     |
| Perlindungan untuk cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari – Penambahbaikan | ✓   | ✗                                     |
| Kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekecohan awam                                      | ✓   | ✗                                     |
| Pengecualian penambahbaikan   | ✓   | ✗                                     |
| Pampasan untuk tempoh pemberaan yang dianggarkan (CART)                                 | ✓   | ✗                                     |

Nota:

- Adalah sesuatu kesalahan di bawah undang-undang Singapura untuk memandu masuk ke negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang (\*\*) ditambah di sijil anda.
- Jika baki pemanduan anda adalah sifar semasa tempoh perlindungan takaful, sesetengah perlindungan tambahan yang telah anda pilih tidak akan diberi perlindungan.
- Z-Miles Takaful hanya disasarkan untuk pemandu yang mempunyai jarak pemanduan yang rendah. Anda tidak boleh menambah perlindungan E-Hailing di bawah sijil ini.
- Senarai perlindungan tambahan ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil kontrak untuk senarai penuh bagi perlindungan tambahan yang terdapat di bawah sijil ini.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapatkan di laman web kami [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my) atau di laman web PIDM [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

### 4. Apakah tempoh perlindungan takaful dan pilihan pembaharuan?

Tempoh perlindungan takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil ini setiap tahun.

### 5. Bagaimana Z-Miles Takaful berfungsi?

Segalanya bermula dengan pengiraan caruman anda:

#### a. Mengira caruman anda

Apabila anda menyertai takaful ini, caruman anda mempunyai dua bahagian:

- **Caruman Asas** yang anda buat secara terdahulu pada permulaan sijil.
- **Caruman Jarak Pemanduan** yang dibuat terlebih dahulu, dimana **Kadar per Kilometer** anda didarabkan dengan jarak pemanduan prabayar yang ditetapkan pada 2,000 km.

Dalam tempoh perlindungan takaful, jarak pemanduan kereta anda akan ditolak daripada jarak pemanduan prabayar – jarak pemanduan prabayar yang tinggal dinamakan baki jarak pemanduan.

Anda akan membuat **Caruman Jarak Pemanduan** bulanan, yang merupakan **Kadar per Kilometer** anda didarabkan dengan jarak pemanduan sebulan – ini akan menambah nilai baki jarak pemanduan anda kepada 2,000 km. Jika baki

jarak pemanduan anda kurang daripada 400 km pada bila-bila masa, anda perlu membuat **Caruman Jarak Pemanduan** untuk menambah nilai baki jarak pemanduan anda kepada 2,000 km.

Pada akhir tempoh perlindungan takaful, sebarang baki jarak pemanduan yang tidak digunakan akan dipulangkan kepada anda berasaskan **Kadar per Kilometer** yang digunakan untuk menentukan **Caruman Jarak Pemanduan**.

Memandangkan caruman yang anda buat setiap bulan akan berubah mengikut jarak pemanduan kereta anda, anda seharusnya menjelak jarak pemanduan anda. Anda boleh mendapat kos perlindungan anda daripada App Zurich (Aplikasi Zurich) dan Dashboard Web (Paparan Utama Web).

Nilai **Caruman Asas** dan **Kadar per Kilometer** adalah tetap sehingga sijil anda tamat. Walau bagaimanapun, nilai-nilai ini mungkin berubah disebabkan sebarang perubahan yang dibuat kepada sijil anda.

#### b. Membuat caruman untuk perlindungan anda

Kami akan mengambil **Caruman Jarak Pemanduan** anda secara automatik terus daripada akaun bank atau kad yang ditetapkan anda – anda tidak perlu melakukan apa-apa. Kami akan memberitahu anda apabila caruman perlu dibuat dalam App Zurich dan Dashboard Web dan kami juga akan menghantar penyata kepada anda sebagai rujukan.

#### c. Had Caruman Jarak Pemanduan anda

Caruman yang anda perlu buat dihadkan kepada 400 km sehari. Ini bermakna jika anda memandu 500 km dalam sehari, anda akan membuat caruman untuk 400 km sahaja. Selain itu, kami juga mengehadkan jarak pemanduan yang anda perlu tanggung pada 15,000 km setahun untuk mencegah anda daripada membuat caruman yang lebih daripada yang telah dirancang anda. Kereta anda akan terus mendapat perlindungan komprehensif jika anda memandu lebih daripada had jarak pemanduan dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas.

### 6. Mengaktifkan sijil dan pengiraan jarak pemanduan anda

Selepas anda menyertai takaful ini, anda perlu mengaktifkan sijil anda.

#### Jika anda mempunyai Kereta Terhubung yang layak

Apabila anda memohon takaful ini, anda perlu memberi kami kebenaran untuk menghubungkan kereta anda untuk mengakses bahagian tertentu data kenderaan anda. Kami akan menghantar e-mel kepada anda untuk memberi arahan tentang cara untuk membuat demikian. Apabila anda telah mengaktifkan sijil anda, jarak pemanduan harian anda akan mula dipaparkan dalam App Zurich.

Jika kami menghubungkan kereta anda, sijil anda mesti diaktifkan dalam masa 48 jam selepas anda menyertai takaful ini, jika tidak kami akan menganggar jarak pemanduan anda (sila lihat [Apa yang berlaku jika sijil saya tidak diaktifkan?](#)).

#### Jika anda memilih Peranti Z-Miles

Kami akan menghantar sebuah alat yang dinamakan Peranti Z-Miles menerusi pos kepada anda – berserta arahan dalam App Zurich dan laman web kami tentang cara untuk memasang alat ini ke dalam kereta anda dan mengaktifkannya. Saiz alat ini sebesar kotak mancis kecil, dan anda boleh memasangkannya dengan mudah pada kereta anda.

Setelah Peranti Z-Miles dipasang dan mempunyai kuasa dan isyarat telefon mudah alih, ia akan menghantar mesej kepada kami untuk memberitahu kami. Anda akan mendapat sijil anda diaktifkan dalam App Zurich, dan jarak pemanduan anda akan mula ditunjukkan secara automatik selepas setiap perjalanan.

Jika anda tidak mengaktifkan sijil anda dalam masa 7 hari dari tarikh permulaan sijil anda atau 3 hari selepas menerima Peranti Z-Miles, yang mana kemudian, kami berhak untuk menganggarkan jarak pemanduan anda setiap hari selepas tempoh penangguhan ini tamat (sila lihat [Apa yang berlaku jika sijil saya tidak diaktifkan?](#)).

Pemasangan Peranti Z-Miles tidak akan menjelaskan waranti kereta anda.

### 7. Mengapa sijil saya perlu diaktifkan?

Kami perlu mengumpulkan data kenderaan tertentu yang relevan (contohnya jarak pemanduan setiap perjalanan) untuk mengenakan caruman yang betul kepada anda. Adalah penting untuk kami menghubungkan kereta anda, dan sijil anda diaktifkan apabila kereta anda dipandu.

Jangan bimbang jika anda mengaktifkan sijil anda dan kami mula mengukur jarak pemanduan anda sebelum tarikh mula sijil anda – kami tidak akan mengenakan caj kepada anda bagi sebarang jarak pemanduan sehingga sijil anda telah bermula.

Jika Peranti Z-Miles tidak dipasang dan dihidupkan, sijil anda tidak akan diaktifkan.

### 8. Apa yang berlaku jika sijil saya tidak diaktifkan?

Jika sijil anda tidak diaktifkan, anda masih akan dilindungi, tetapi sijil anda tidak berfungsi seperti yang sepatutnya.

Jika anda tidak mengaktifkan sijil anda dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh mula sijil anda atau tiga (3) hari selepas menerima Peranti Z-Miles, yang mana kemudian, kami berhak untuk menganggarkan jarak pemanduan kereta anda setiap hari pada kadar 400 km sehari selepas tempoh penangguhan ini tamat. Jarak pemanduan yang dianggarkan akan dicaj pada **Kadar per Kilometer** anda, sehingga sijil anda diaktifkan atau baki jarak pemanduan anda adalah sifar (sila lihat [Apa yang berlaku jika baki jarak pemanduan saya adalah sifar?](#)).

Jika kami tidak mempunyai akses kepada data kenderaan anda pada masa kejadian, **Ekses Sijil Tidak Diaktifkan** akan dikenakan ke atas sijil anda (sila lihat [Apakah maksud ekses?](#)).

Anda tidak boleh mengubah suai Peranti Z-Miles atau cuba mengakses perisian di dalamnya. Jika anda mendapati Peranti Z-Miles tidak berfungsi seperti sepatutnya, sila beritahu kami secepat mungkin dan kami akan menghantar peranti baharu kepada anda. Kami akan memaklumi anda jika kami mendapati Peranti Z-Miles anda tidak berfungsi. Jika selepas meninjau semua fakta, kami mendapati bahawa anda bertanggungjawab terhadap kerosakan Peranti Z-Miles, anda akan dikenakan caj penggantian Peranti Z-Miles yang ditunjukkan di seksyen 13 di bawah untuk menggantikannya, jika tidak kami akan menggantikannya secara percuma (termasuk kos penghantaran).

## 9. Apa yang berlaku apabila baki jarak pemanduan saya adalah sifar?

Jika baki jarak pemanduan anda adalah sifar, kami tidak akan membayar tuntutan kerugian atau kerosakan kereta anda. Selain itu, sesetengah perlindungan tambahan yang telah anda pilih tidak akan dilindungi. Anda boleh memulihkan perlindungan takaful anda kepada perlindungan komprehensif dengan menambah nilai baki jarak pemanduan anda.

Adalah penting untuk anda mempunyai baki jarak pemanduan yang positif sepanjang masa tempoh perlindungan takaful bagi menikmati perlindungan yang disenaraikan di dalam jadual sijil anda. Perlindungan takaful anda akan dikurangkan ke Pihak Ketiga Sahaja apabila baki jarak pemanduan jadi sifar. Ini akan menyebabkan beban kewangan seperti berikut:

- Anda tidak akan terima bayaran tuntutan untuk kerosakan atau kehilangan dari kami. Jika anda telah memilih perlindungan tambahan Bencana Khas, kami tidak akan membayar kehilangan atau kerosakan kereta anda akibat banjir. Anda terpaksa menanggung bayaran tersebut sendiri.
- Anda harus menanggung jumlah penuh bagi baki belum dijelaskan jika kereta anda masih di bawah pembiayaan (hire financing).

## 10. Bagaimana kami menggunakan data kenderaan anda?

Setelah sijil anda diaktifkan, kami akan mendapat maklumat dari Peranti Z-Miles untuk membantu kami menguruskan sijil anda dan memahami dengan lebih lanjut bagaimana dan bila kemalangan berlaku. Ini membolehkan kami menambah baik produk kami dan menjadikan jalan raya yang lebih selamat. Untuk berbuat demikian, kami akan mengumpulkan maklumat tentang kereta anda dan perjalanan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada jarak pemanduan dan tempoh masa pemanduan jarak tersebut, maklumat lokasi, kelajuan dan pecutan dan tarikh dan masa kereta dipandu.

## 11. Berapakah caruman yang perlu dibuat?

Apabila anda memohon sebut harga baru atau pembaharuan, caruman anda mempunyai dua bahagian: **Caruman Asas** tahunan yang anda buat terdahulu dan **Kadar per Kilometer**, yang dicajkan bagi setiap kilometer yang dipandu.

Kedua-dua **Caruman Asas** dan **Kadar per Kilometer** dikirakan berdasarkan maklumat terkini anda, seperti peruntukan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD), jenis perlindungan dan maklumat-maklumat di dalam sijil seperti amaun dilindungi kereta, umur kereta dan umur anda.

Contoh pengiraan caruman bagi kereta dengan amaun dilindungi kereta RM200,000, keupayaan enjin 2,000cc dan NCD 55%:

- Pengiraan **Caruman Asas** adalah seperti berikut:

|   |   |     |          |
|---|---|-----|----------|
| Caruman   | : | RM  | 1,747.18 |
| Kelayakan NCD - 55%                                     | : | (RM | 960.95)  |
| Perlindungan tambahan- Perlindungan Liabiliti Penumpang | : | RM  | 7.50     |
| Sub jumlah caruman                                      | : | RM  | 793.73   |
| Rebat - 10%   | : | (RM | 79.37)   |
| <b>Caruman Kasar Asas</b>                               | : | RM  | 714.36   |
| Cukai Perkhidmatan - 8%                                 | : | RM  | 57.15    |
| Duti Setem  | : | RM  | 10.00    |
| <b>Caruman Asas selepas Cukai</b>                       | : | RM  | 781.51   |

- Caruman Jarak Pemanduan bulanan bergantung kepada jarak pemanduan daripada bulan sebelumnya. Untuk contoh di atas, **Kadar per Kilometer** selepas cukai ialah RM0.05 per kilometer. Jika peserta memandu 1,000 km di bulan sebelumnya, **Caruman Jarak Pemanduan** bulanan pada hujung bulan adalah  $RM0.05 \times 1,000 \text{ km} = RM50$ .
- Jumlah caruman setahun untuk takaful ini adalah jumlah **Caruman Asas** dan **Caruman Jarak Pemanduan** yang telah anda buat, tolak sebarang baki jarak pemanduan yang tidak digunakan. Jika peserta dalam contoh di atas telah memandu 3,800 km sepanjang tahun dan mempunyai baki jarak pemanduan 200 km, jumlah caruman setahun adalah RM961.51; dikira seperti berikut:

$$\begin{array}{rclclclclcl} \text{RM } 781.51 & + & [ & \text{RM } 0.05 & \times & ( & 3,800 & - & 200 & ) & ] = & \text{RM } 961.51 \\ \text{Caruman Asas} & & & \text{Kadar per} & & \text{Jarak} & & \text{Baki Jarak} & & \text{Jumlah} \\ & & & \text{Kilometer} & & \text{Pemanduan} & & \text{Pemanduan yang} & & \text{Caruman} \\ & & & & & \text{digunakan} & & \text{tidak digunakan} & & \text{Tahunan} \\ & & & & & (km) & & (km, jika ada) & & \end{array}$$

Di hujung tempoh perlindungan takaful, peserta akan mendapat pulangan caruman sebanyak RM10 bagi baki jarak pemanduan yang tidak digunakan.

## 12. Bagaimana jarak pemanduan tahunan saya mempengaruhi jumlah caruman Z-Miles Takaful saya?

Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 11 di atas, caruman Z-Miles Takaful anda akan berbeza bergantung kepada jarak pemanduan kereta anda, peruntukan NCD anda, jenis perlindungan dan maklumat-maklumat di dalam polisi seperti aman dilindungi kereta, umur kereta dan umur anda.

Jadual di bawah menggambarkan contoh-contoh caruman tahunan kasar Z-Miles Takaful (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) yang perlu dibuat oleh pemegang sijil berumur 35 tahun dengan peruntukan NCD 55%, memandu kereta berumur 3 tahun dan tinggal di Selangor, berdasarkan jarak pemanduan tahunan, dan caruman ini dibandingkan dengan caruman sijil komprehensif kereta persendirian tahunan Zurich, iaitu Z-Driver Takaful Komprehensif.

| Model Kereta          | Jarak Pemanduan Tahunan Digunakan dengan Z-Miles Takaful |          |           | Z-Driver Takaful Komprehensif |
|-----------------------|--|----------|-----------|-------------------------------|
|                       | 3,000 km   | 6,000 km | 15,000 km |                               |
| Proton X70            | RM 550   | RM 704   | RM 1,012  | RM 1,133                      |
| Honda Civic           | RM 582   | RM 766   | RM 1,135  | RM 1,135                      |
| Toyota Alphard        | RM 1,537   | RM 1,870 | RM 2,535  | RM 3,011                      |
| BMW X5                | RM 1,1579  | RM 1,921 | RM 2,604  | RM 3,093                      |
| Mercedes-Benz C-Class | RM 1,354   | RM 1,690 | RM 2,364  | RM 2,543                      |

Jumlah caruman tahunan Z-Miles Takaful akan lebih tinggi daripada Z-Driver Takaful Komprehensif jika anda memandu melebihi jarak pemanduan tahunan tertentu. Ambang jarak pemanduan tahunan ini akan berbeza bergantung kepada profil risiko anda dan biasanya berkisar antara 15,000 km hingga 16,000 km setahun. Untuk melindungi anda daripada membuat caruman yang lebih tinggi daripada yang telah dirancang, Z-Miles Takaful mengehadkan jarak pemanduan yang anda perlu tanggung pada 15,000 km setahun

## 13. Apakah yuran dan caj yang perlu dibuat?

| Yuran dan caj yang perlu dibayar selain daripada caruman | Jumlah   |
|--|--|
| Duti Setem   | RM10.00  |
| Cukai Perkhidmatan                                       | 8% daripada Caruman Kasar<br>Contoh: Caruman Kasar RM714.36 x 8% = RM57.15 |

| Yuran dan caj yang telah disertakan dalam caruman | Jumlah  |
|---|---|
| Yuran Wakalah                                     | 29.5% daripada Caruman Kasar (sebelum Rebat) yang merangkumi:<br><ul style="list-style-type: none"> <li>Komisen (jika ada) – 10.0%<br/>Contoh: Caruman Kasar sebelum Rebat RM793.73 x 10% = RM79.37</li> <li>Perbelanjaan pengurusan – 19.5%<br/>Contoh: Caruman kasar sebelum Rebat RM793.73 x 19.5% = RM154.78</li> </ul> |

| Yuran dan caj lain yang boleh dikenakan | Amaun  |
|---|--|
| Caj penggantian Peranti Z-Miles         | RM300 (termasuk cukai perkhidmatan dan kos penghantaran) |

Anda perlu membuat bayaran tertentu yang tertakluk kepada cukai dan levi (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada duti setem dan cukai perkhidmatan) kerajaan Malaysia.

## 14. Apakah terma dan syarat penting yang saya harus ketahui?

### a. Kewajipan Pendedahan

**Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganinan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.

**Kontrak Takaful Komersial** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful, keengganinan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sekiranya anda gagal membuat demikian, contoh tindakan yang mungkin diambil oleh kami terhadap anda termasuk perkara berikut:

- mengisytiharkan sijil anda tidak sah dari permulaan (yang bermaksud menganggapnya sebagai tidak sah), dan kami mungkin tidak akan mengembalikan sebarang caruman;
  - membatalkan sijil ini dan mengembalikan apa-apa caruman dengan menolak caj pembatalan kami atau mendapatkan semula sebarang caruman yang belum dibuat;
  - mengeluarkan satu atau lebih pemandu yang dinamakan dari sijil anda dan melaraskan caruman anda dengan sewajarnya;
  - mendapatkan semula sebarang kekurangan dalam caruman;
  - tidak membayar apa-apa tuntutan yang telah atau akan dibuat di bawah sijil; atau
  - berhak untuk mendapatkan semula daripada anda jumlah tuntutan yang telah dibayar di bawah sijil atau apa-apa tuntutan yang perlu kami bayar disebabkan mana-mana undang-undang lalu lintas jalan yang berkaitan, termasuk apa-apa kos pengambilan semula.
- b. **Kepentingan menyimpan resit** – Adalah penting untuk menerima sesalinan resit daripada Kami dan sila simpan resit ini sebagai bukti caruman telah dibuat.
- c. **Tunai sebelum perlindungan** – caruman mesti dibuat dan diterima oleh kami sebelum perlindungan takaful bermula. Perlindungan takaful ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi.
- d. **Penambahbaikan** – jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki kerosakan kereta anda di mana umur kereta ialah lima tahun ke atas, anda dikehendaki menanggung perbezaan kos (bergantung kepada umur kereta anda) kerana kereta anda akan berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kemalangan berlaku.
- e. **Kegagalan untuk mengaktifkan sijil anda semasa anda memandu** – jika pada masa kejadian kami tidak dapat mengakses data kenderaan anda, **Ekses Sijil Tidak Diaktifkan** akan dikenakan ke atas tuntutan anda.
- f. **Ekses** – Ini merujuk kepada amaun yang anda terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan yang kami luluskan, walaupun kejadian itu bukan salah anda. Lebih dari satu (1) jenis ekses boleh dikenakan ke atas sijil anda, dan semua ekses yang boleh dikenakan akan dicetakkan di dalam jadual sijil anda. Terdapat empat jenis ekses yang boleh dikenakan ke atas sijil anda:
  - **Ekses Sukarela:** Amaun yang anda pilih untuk menanggung sebagai balasan bagi caruman yang lebih rendah.
  - **Ekses Semua Tuntutan:** Amaun yang anda perlu tanggung yang ditentukan berdasarkan garis panduan kami.
  - **Ekses Wajib:** Amaun yang anda perlu tanggung jika pemandu kereta anda (a) tidak dinamakan di dalam jadual sijil; (b) memegang lesen memandu pelajar atau percubaan; atau (c) adalah di bawah umur 21 tahun.
  - **Ekses Sijil Tidak Diaktifkan:** Amaun yang anda terpaksa tanggung jika kami tidak dapat mengakses ke data kenderaan anda pada masa kejadian.
- g. **Pengurusan Jumlah Kecil** – Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari tempoh matang, lebihan caruman, penyerahan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada pendermaan. Bagaimanapun, jika anda membuat keputusan sebaliknya, anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan Jumlah Kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah kami.
- h. Untuk terma dan syarat umum yang lain, sila rujuk kepada [www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions](http://www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions).

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil kontrak untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.*

## 15. Berapakah nilai yang patut kereta saya dilindungi?

Anda perlu memastikan kereta anda dilindungi pada nilai pasaran yang sesuai apabila anda memohon takaful ini kerana ia akan menjelaskan jumlah tuntutan anda. Anda hanya akan dibayar sehingga nilai pasaran kereta anda pada masa kerugian jika tuntutan dibuat. Nilai pasaran kereta anda semasa tuntutan akan ditentukan berdasarkan terma-terma yang anda pilih pada masa anda memohon takaful ini.

Terdapat dua jenis nilai amaun dilindungi yang anda perlu mempertimbangkan semasa anda memohon takaful ini:

### Nilai Pasaran yang Disyorkan

Kami merujuk kepada Sistem Penilaian Pasaran yang disediakan oleh Insurance Services Malaysia Berhad's Automotive Business Intelligence System (ISM-ABI) untuk menentukan amaun dilindungi kereta anda semasa anda memohon takaful ini, serta nilai pasaran pada masa kerugian. Semasa tuntutan dibuat, nilai pasaran kereta anda akan ditentukan dari ISM-ABI dan nilai ini merujuk kepada kos munasabah untuk membeli sebuah kereta lain yang sama buatan, model, umur dan keadaan umumnya serupa dengan kereta anda semasa berlaku kerugian. Endorsmen nombor 113 akan dicetakkan di dalam jadual sijil anda jika anda memilih **Nilai Pasaran yang Disyorkan**.

Anda dapat memeriksa Nilai Pasaran ISM kereta anda di [www.mycarinfo.com.my](http://www.mycarinfo.com.my).

### Fasal Nilai Dipersetuju

Amaun ini adalah amaun maksimum yang akan dibayar untuk kereta anda, berdasarkan buatan dan umur kereta sekiranya kereta anda dicuri atau musnah sama sekali. Nilai ini telah dipersetuju semasa sijil ini mula berkuat kuasa supaya ia digunakan sebagai asas penyelesaian. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerugian semasa tuntutan, kami akan membayar nilai ini kepada anda. Endorsmen nombor 87 akan dicetak dalam jadual sijil anda jika anda memilih **Fasal Nilai Dipersetuju**.

Jika amaun dilindungi bagi kereta anda didapati kurang daripada nilai pasaran, perbezaan di antara nilai pasaran dan amaun dilindungi terkurang hendaklah ditanggung oleh anda sendiri di bawah klausula Takaful Terkurang sijil ini. Ini tidak akan digunakan untuk sijil Nilai Pasaran Disyorkan dan Fasal Nilai Pasaran.

#### 16. Apakah pengecualian utama yang tertakluk dalam sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi kerugian seperti:

- a. Kematian anda atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan kenderaan
- b. Mana-mana kejadian, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan atau berpunca semasa kereta anda dipandu oleh mana-mana orang selain daripada pemandu dibenarkan.
- c. Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektronik, kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi.
- d. Kehilangan, kerosakan atau liabiliti berpunca daripada kegunaan kereta untuk sewa atau upah.

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil kontrak untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.*

#### 17. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Pada bila-bila masa anda boleh membatalkan sijil ini dengan memberi kami notis bertulis. Anda berhak untuk menerima pemulangan **Caruman Asas** dan baki jarak pemanduan yang tidak digunakan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat. Tiada pemulangan caruman bagi jarak pemanduan yang telah anda gunakan dalam tempoh perlindungan takaful.

#### 18. Apakan yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Anda boleh mengemaskini butiran anda di Portal Pelanggan Zurich di [myzurichlife.com.my](http://myzurichlife.com.my) atau memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran peribadi anda untuk memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

Kami berusaha untuk beroperasi tanpa kertas dan akan menggunakan cara elektronik untuk berkomunikasi. Adalah penting untuk anda memastikan e-mel dan nombor telefon mudah alih anda adalah tepat. Anda boleh memeriksa butir-butir hubungan anda dengan kami di dalam jadual sijil anda.

#### 19. Bagaimana saya boleh mempertikaikan jarak pemanduan saya?

Baki jarak pemanduan anda hanya akan ditolak untuk perjalanan yang dipaparkan dalam Zurich app anda.

Jika anda fikir kami telah menolakkan kos perjalanan lebih daripada yang dipandu anda sebenarnya, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan kami di nombor yang dinyatakan di bawah. Kami akan meneliti perkara ini dan menyelesaikannya dalam masa tujuh hari bekerja.

Jika kami berhutang wang atau kos perjalanan kepada anda, kami akan memasukkannya semula ke dalam akaun bank anda. Sijil anda sebaik sahaja kami menyelesaikan perkara ini. Jika anda berhutang wang kepada kami, kami akan menghantar invois kepada anda sebaik sahaja penyelesaian perkara ini.

#### 20. Apa yang saya patut lakukan semasa membuat tuntutan?

- a. Laporkan kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam selepas kejadian dan maklumkan kepada kami secepat mungkin dengan memberi butir-butir lengkap secara bertulis.
- b. Jika anda membuat tuntutan kerosakan sendiri ke atas sijil anda, anda mesti menghantar kereta anda ke bengkel pembaikan kami. Kami akan memeriksa kereta anda sebelum memberi kelulusan untuk pembaikan kereta anda. Kami boleh menolak sebarang tuntutan yang dilindungi oleh sijil ini jika anda melanggar syarat ini.
- c. Sekiranya anda bukan pihak yang bersalah dalam kemalangan tersebut, anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada kami untuk mempercepatkan proses tuntutan tanpa kehilangan kelayakan NCD anda. Anda juga boleh mengemukakan tuntutan kepada syarikat takaful/insurans pihak yang bersalah.
- d. Kelayakan NCD akan menjadi sifar jika tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga dibuat terhadap sijil anda.

Senarai bengkel pembaikan kami boleh didapati dari laman web kami di [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

#### 21. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkaitan produk ini, sila hubungi kami atau perunding-perunding kami. Sila hubungi kami di:

##### Perkhidmatan Pelanggan

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03 – 2109 6000 E-mel: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

#### 22. Jenis perlindungan lain yang boleh didapati?

Sila rujuk kepada laman web kami di [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

**NOTA PENTING**

Anda perlu memastikan kereta anda dilindungi dengan nilai pasaran yang sesuai kerana ia akan menjelaskan jumlah tuntutan anda. Anda mestilah membaca dan memahami isi kandungan sijil takaful ini dan hubungi kami secara langsung untuk maklumat lanjut.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad** dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 01 September 2024 sehingga semakan semula dilakukan.

Sekiranya terdapat percanggahan, kecaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan mengantikan versi Bahasa Malaysia.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

No Pendaftaran: 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

